

## NOTIS TENDER

### TENDER NO. T170021 – TENDER PERLUPUSAN PERALATAN PEJABAT DAN ALAT KOMUNIKASI UNIT KESELAMATAN, PENANG PORT SDN. BHD.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang:

1. **Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
2. **Mempunyai Lesen Bagi Berniaga Barang- barang Luluh yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender boleh didapati secara **percuma** di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. **Borang Tender hanya akan diberi kepada kontraktor yang menghadiri sesi taklimat sahaja.**

Taklimat berkaitan kerja ini akan di adakan pada :

**Tarikh : 6 November 2017 (Isnin)**

**Waktu : 10.00 pagi.**

**Tempat : Balai Polis Pelabuhan, Dermaga Air Dalam, 12100 Butterworth.**

Kehadiran adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambil kira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

**“TENDER NO. T170021 – TENDER PERLUPUSAN PERALATAN PEJABAT DAN ALAT KOMUNIKASI UNIT KESELAMATAN, PENANG PORT SDN. BHD . “**

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender “B”** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

#### **Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga**

Isnin - Khamis : 8.15 pagi – 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi – 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **17 November 2017** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.